

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah mengawal pembinaan hartanah mewah supaya tiada lagi lambakan dan apakah jaminan di peringkat Kementerian agar hartanah ini tidak dijual kepada warga asing demi menjaga kepentingan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penentuan harga dan kuota bagi kediaman termasuklah perumahan mampu milik dan hartanah warga asing ditentukan oleh Kerajaan Negeri yang dikawal melalui syarat-syarat di bawah Kebenaran Merancang. Kerajaan Negeri akan mengenakan denda atau penalti mengikut syarat masing-masing sekiranya pemaju gagal melaksanakan perkara ini terutama dalam kuota penyediaan rumah mampu milik yang telah ditetapkan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menyelaraskan maklumat lengkap berkaitan hartanah mewah yang tidak terjual di setiap negeri. Selain itu, Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga sedang membangunkan sistem maklumat berintegrasi supaya dapat diakses secara atas talian (*online*).

3. Bagi menjaga kebajikan rakyat, KPKT lebih menumpukan usaha-usaha untuk merancakkan lagi pembangunan perumahan mampu milik dan pemilikan rumah oleh warga tempatan. KPKT melalui JPN telah menyediakan beberapa inisiatif seperti MyHome, FundMyHome, Transit Belia, dan Skim Sewa Beli bagi Program Perumahan Rakyat (PPR). Selain itu, KPKT juga telah menganjurkan *Home Ownership Campaign* (HOC) dari 1 hingga 3 Mac 2019 dan siri kedua HOC dari 4 hingga 6 Oktober 2019 bagi merancakkan lagi pemilikan rumah oleh warga Malaysia.

4. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, pada Suku Kedua 2019, terdapat 4,213 unit rumah mewah (12.8%) dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual yang berharga RM1 juta ke atas di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

5. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli harta tanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah iaitu 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

6. Untuk makluman juga, penetapan harga penjualan hartanah mewah kepada warga asing adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) iaitu Garis Panduan Perolehan Hartanah merujuk kepada hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014. Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing dan warga asing tidak sewenang-wenangnya boleh membeli rumah tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

7. Mengenai pengumuman Belanjawan 2020 yang telah menurunkan had milikan warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000, KPKT akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan, kementerian-kementerian serta agensi lain yang terlibat seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kerajaan Negeri agar satu mekanisme kawalan dapat diwujudkan bagi mengelakkan spekulasi harga oleh pemaju dan menjaga kepentingan pembeli tempatan.

Sekian, terima kasih.